



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PENYELESAIAN BANJIR SUNGAI GOLOK SECARA KOMPREHENSIF MELALUI PENDEKATAN JANGKA PANJANG DAN LANGKAH SEMENTARA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 14 Disember 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia menegaskan bahawa Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok di Kelantan dilaksanakan secara komprehensif dan berfasa. Pelaksanaan projek ini menggabungkan langkah sementara (*quick win*) serta penyelesaian jangka panjang bagi memastikan perlindungan berterusan kepada penduduk dan alam sekitar. Pendekatan ini bertujuan menangani risiko banjir semasa musim monsun, di samping menyediakan penyelesaian struktur yang lebih mampan dalam jangka panjang bagi menghadapi impak perubahan iklim.

Penyelesaian Jangka Panjang

Pelaksanaan jangka panjang Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok dilaksanakan secara berfasa, melibatkan tiga (3) fasa utama. Analisis dan simulasi hidrologi oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati bahawa pelaksanaan lengkap ketiga-tiga fasa ini berupaya mengurangkan risiko banjir sehingga tahap 50 *Annual Recurrence Interval* (ARI), selaras dengan piawaian perlindungan banjir yang selamat.

Sehingga Disember 2025, status pelaksanaan PLSB Sungai Golok adalah seperti berikut:

1. Fasa 1: Kemajuan fizikal sebanyak 71.3% dan dijangka siap pada Julai 2026;

2. Fasa 2: Kini dalam peringkat perolehan melalui tender terbuka pra-kelayakan, dengan kerja fizikal dijangka bermula pada Februari 2026; dan

3. Fasa 3: Kemajuan fizikal sebanyak 9.2% dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2029.

Setelah ketiga-tiga fasa PLSB Sungai Golok disiapkan sepenuhnya, projek ini dijangka dapat menyediakan perlindungan banjir yang lebih menyeluruh kepada kawasan-kawasan utama termasuk Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat, sekali gus mengurangkan secara signifikan bilangan penduduk serta harta benda yang terdedah kepada risiko banjir.

Langkah-Langkah Sementara Mengurangkan Risiko

Sementara menunggu penyiapan keseluruhan projek jangka panjang, Kementerian melalui JPS sedang melaksanakan beberapa langkah mitigasi sementara di kawasan-kawasan kritikal bagi mengurangkan impak banjir, antaranya:

1. Kerja-kerja pengorekan Sungai Lanchang Lemal bagi meningkatkan kapasiti sungai dan mengurangkan limpahan di kawasan rendah, khususnya di Tumpat dan Pasir Mas;

2. Penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Danau To' Uban bagi menyelaraskan kawalan aras air dan pengurusan takungan semasa kejadian hujan lebat;

3. Pemasangan struktur mudah alih flood barrier wall di kawasan-kawasan berisiko tinggi; dan

4. Kerja-kerja pengorekan muara Sungai Golok yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Pendekatan Komprehensif PLSB Sungai Golok

PLSB Sungai Golok bukan sekadar melibatkan pembinaan benteng semata-mata, sebaliknya merangkumi pengurusan menyeluruh terhadap limpahan sungai utama. Ini termasuk kerja-kerja pelebaran sungai, pembinaan struktur kawalan aliran serta pelaksanaan langkah-langkah mitigasi banjir bersepadu yang saling melengkapi.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan dan keselamatan rakyat, Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk melaksanakan projek PLSB Sungai Golok mengikut perancangan serta piawaian keselamatan yang ditetapkan. Pelaksanaan ini turut melibatkan kerjasama berterusan dengan Kerajaan Negeri bagi

memastikan perlindungan jangka panjang kepada penduduk di Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat, Kelantan.

Pada masa yang sama, PETRA dan JPS sentiasa mengalu-alukan pandangan serta cadangan daripada pelbagai pihak untuk dipertimbangkan secara konstruktif demi memperkukuh keberkesanan penyelesaian isu banjir monsun yang berlaku saban tahun di kawasan tersebut.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
14 Disember 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



PETRA

PETRAMALAYSIA

